



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 04 MARCH 2017   |

# Penghormatan terhadap kepimpinan Perdana Menteri

am - 4/3/2017

**KUALA LUMPUR 3 Mac** - Lawatan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia merupakan satu penghormatan terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bekas Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamad Fairus Khairuddin berkata, kunjungan baginda itu turut dilihat sebagai pengiktirafan terhadap sistem raja berperlembagaan yang diamalkan di negara ini.

“Apabila Arab Saudi membuat pelaburan besar di negara ini, ia boleh ditafsirkan sebagai kepercayaan kepada kepimpinan Najib. Situasi ini tidak pernah berlaku ketika negara ditadbir oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Raja Salman yang juga Penjaga Dua Masjid Suci melakukan lawatan sulung ke Malaysia atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V bermula Isnin lalu sehingga semalam.

Sementara itu, Mohamad Fairus menyifatkan Najib sebagai pemimpin yang bersikap sabar, bijaksana dan tenang dalam menghadapi pelbagai rintangan politik termasuk serangan peribadi terhadap dirinya.

Menurut beliau, sikap dan sentuhan kepimpinan Najib itu adalah amat berbeza dengan apa yang diamalkan Dr. Mahathir ketika menerajui pentadbiran negara.

“Malah, Dr. Mahathir ketika meninggalkan legasinya telah menimbulkan pelbagai masalah yang terpaksa dipikul oleh penggantinya, Tun Abdullah Ahmad Badawi,” jelasnya.